

Warga UMSKAL ikrar bebas rasuah

UB 18-19-17 83

TIMBALAN Pengarah
Universiti Malaysia Sabah,
Kampus Antarabangsa
Labuan (UMSKAL)
Prof Madya Dr Geoffrey
Harvey Tanakinjal
mengetuai Majlis Melafaz
dan Menandatangani
Ikrar Bebas Rasuah (IBR)
bersama warga UMSKAL di
sini pada Isnin.

Sambil disaksikan
Timbalan Pengarah
Suruhanjaya Pencegah
Rasuah Malaysia (SPRM),
Wilayah Persekutuan
Labuan Pengguna Kanan
Geoffrey Tawayan,
Geoffrey Harvey Tanakinjal
menyifatkan tindakan itu
sebagai tanda komitmen
pengurusan UMSKAL
dalam menzahirkan
pentadbiran yang telus dan
bebas daripada rasuah serta
penyalahgunaan kuasa.

"Ikrar ini merupakan
salah satu daripada
kerjasama strategik yang
dirangka antara pengurusan
UMSKAL dan SPM
bagi tujuan membendung
serta memperkuuhkan
undang-undang terhadap
mana-mana individu yang
terlibat dengan rasuah,
penyalahgunaan kuasa dan
penyelewengan.

"Kami menjunjung
tanggungjawab serta
akauntabiliti bagi
menjauhi rasuah. Dalam
masa sama, ikrar ini juga
memperlihatkan keikhlasan,
komitmen kerja serta
keinginan kami untuk
berkhidmat dalam suasana
kerja yang kondusif demi
menjalankan tanggungjawab
dan amanah kepada
rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian
ketika mewakili Pengarah
UMSKAL Prof Madya
Dr Murnizam Haji
Halik berucap sebelum
mengetuai bacaan ikrar
itu di Bilik Kuliah Podium
D, Bangunan Menara
UMSKAL.

Turut melafaz dan
menandatangani IBR ialah
Dekan Fakulti Kewangan
Antarabangsa Labuan
(FKAL) Prof Madya Dr
Hanudin Amin, Timbalan
Dekan Fakulti Komputeran
dan Informatik (FKI) Dr
Zamhar Iswadono Awang



GEOFFREY Harvey dan **Geoffrey Tawayan** (kanan) menyaksikan (dari kiri) **Zamri, Hanudin** dan **Zamhar** serta ketua sektor menandatangani IBR.

Ismail dan Timbalan
Pendaftar Kanan UMSKAL
Zamri Haji Mohamad Tuah.

Ketua-ketua Sektor
UMSKAL turut
menandatangani IBR sambil
disaksikan Geoffrey Harvey
dan Geoffrey Tawayan.

Geoffrey Harvey berkata
keterbukaan dan sifat
kebertanggungjawaban
yang dipamerkan
oleh kepimpinan dan
warga universiti dalam
menandatangani IBR itu
juga turut membuktikan
usaha membanteras dan
memerangi rasuah bukanlah

tanggungjawab eksekutif
SPRM semata-mata.

Sebaliknya, ia merupakan
amanah dan tugas yang
perlu dikongsi oleh seluruh
ahlil masyarakat, khususnya
dalam kalangan warga yang
berkhidmat di UMSKAL,
bagi memastikan negara ini
bebas daripada sebarang
gejala rasuah dan salah guna
kuasa.

Sementara itu, Geoffrey
Tawayan yang mewakili
Pengarah SPM Labuan
Abdulamin Abdullah
memuji langkah diambil
UMSKAL dalam usaha

menandatangani ikrar itu
dengan menyifatkannya
sebagai langkah ke depan
dalam membasmi rasuah.

"Inisiatif ini
memperlihatkan
kesungguhan pengurusan
UMSKAL bagi memastikan
pentadbirannya
dilaksanakan dengan lebih
telus serta bebas daripada
sebarang salah guna kuasa
dan rasuah.

"SPRM berharap inisiatif
ini dapat memelihara dan
meningkatkan keyakinan
rakyat terhadap SPM serta
UMSKAL dalam usaha



GEOFFREY Harvey (kiri) menyerahkan dokumen IBR kepada **Geoffrey Tawayan**.

berterusan membentuk
pentadbiran yang bebas dari
unsur negatif itu," katanya.

Katanya, UMSKAL
adalah merupakan institusi
pendidikan tinggi yang
terus berusaha gigih dalam
melahirkan generasi bijak
kerja serta anak didik
mereka, dilihat dan dikenali

pada suatu hari nanti akan
menjadi golongan tunjang
yang akan memajukan
negara ini.

Justeru, adalah penting
sekiranya warga UMSKAL
baik dari kalangan warga
kerja serta anak didik
mereka, dilihat dan dikenali



SEBAHAGIAN kakitangan UMSKAL yang melafaz ikrar IBR.



SEBAHAGIAN warga kerja UMSKAL bergambar kenangan selepas menghadiri Majlis
Melafaz IBR peringkat UMSKAL.



GEOFFREY Harvey (tiga kanan) mengetuai Majlis Melafaz Ikrar Bebas Rasuah peringkat
UMSKAL. Turut kelihatan Geoffrey Tawayan (dua kiri).

sebagai sebuah institusi
pengajian tinggi yang
mengamalkan nilai-nilai
integriti dan ketulusan
dalam segala aspek.

"Oleh itu, selaras dengan
visi UMS untuk menjadi
sebuah universiti yang
berinovatif yang bertaraf
dunia, adalah amat penting
bagi institusi ini untuk
mengekalkan imej yang
berdisiplin dan berintegriti
bagi memperkasakan
amalan dan sifat membenci
rasuah, penyelewengan
dan salah guna kuasa dalam
diri setiap warga kerja
UMSKAL," katanya.

Beliau berkata amalan
serta budaya rasuah dan
salah guna kuasa perlulah
dibenci, ditolak dan
diperangi habis-habisan oleh
seluruh warga UMSKAL
agar ia tidak diberi ruang
sama sekali untuk menjalar
dan meracuni warga
universiti.

IBR itu merupakan
satu inisiatif baharu yang
diperkenalkan SPM hasil
cetusan idea oleh Ketua
Pesuruhjaya SPM sendiri,
Tan Sri Dzulkifli Ahmad.